

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN  
MOHAMED @ HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

**KAWASAN :**

**SOALAN NO. 32**

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian rasmi Kerajaan berhubung TPPA dan CPTPP.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1. Malaysia telah merundingkan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) mulai tahun 2010. Perjanjian tersebut seterusnya telah ditandatangani oleh 12 negara ahli termasuk Malaysia di Auckland, New Zealand pada 4 Februari 2016. Walau bagaimanapun, TPPA tidak dapat dilaksanakan apabila Presiden Donald Trump mengumumkan penarikan Amerika Syarikat daripada perjanjian tersebut pada 23 Januari 2017.
2. Seterusnya, Malaysia dan 10 negara lain telah bersetuju untuk mengekalkan dan meneruskan pelaksanaan perjanjian yang komprehensif ini dengan menandatangani perjanjian yang dinamakan semula sebagai *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) pada 8 Mac 2018. Perjanjian ini telah mula berkuatkuasa, *entered into force* (dengan izin) pada 30 Disember 2018 bagi 6 negara, iaitu Australia, Kanada, Jepun, Mexico, New Zealand dan Singapura. Manakala bagi Viet Nam pula, mulai 14 Januari 2019.

## SOALAN NO. 32

3. Bagi Malaysia dan 3 negara lain yang belum meratifikasikan CPTPP, perjanjian ini hanya akan berkuatkuasa 60 hari setelah negara-negara ini melengkapkan proses domestik dan mengemukakan instrumen ratifikasi kepada New Zealand (yang bertanggungjawab sebagai *depository*).

Tuan Yang Dipertua,

4. Kerajaan masih belum memutuskan sama ada Malaysia akan meratifikasi perjanjian CPTPP atau tidak. CPTPP adalah suatu perjanjian yang kompleks dan komprehensif di mana komitmen yang dipersetujui di bawah CPTPP mempunyai impak yang besar kepada sebahagian undang-undang, dasar, peraturan dan amalan semasa Kerajaan, termasuk yang melibatkan bidang kuasa Kerajaan-kerajaan negeri. Justeru, Kerajaan memerlukan lebih masa untuk menilai perjanjian ini.

5. Sebagai sebuah negara perdagangan, Kerajaan menyedari bahawa penyertaan Malaysia dalam perjanjian-perjanjian perdagangan antarabangsa adalah amat penting untuk mendapatkan akses pasaran yang lebih baik bagi produk-produk tempatan serta menjadikan Malaysia sebuah destinasi pelaburan pilihan kepada rakan-rakan dagang.

6. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan agar setiap FTA yang disertai oleh Malaysia adalah bebas dan adil, serta selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan negara demi memastikan manfaat ekonomi negara dapat diagihkan kepada golongan sasaran dalam mencapai dan menjamin kesejahteraan sosio ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.